

Jabatan Perkhidmatan Awam,
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

16hb. Januari, 1971.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1971.

Tuan,

Jawatan2 bagi pegawai2 yang memilih berpindah ka-perkhidmatan2 lain mengikut perbekalan2 dalam Pekeliling Perkhidmatan 7/1970

Ada-lah saya di-arah menarek perhatian tuan bahwa [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/1970](#) telah membekal-kan supaya beberapa perkhidmatan di-gredkan semula kepada perkhidmatan2 lain. Keadaan ini timbul oleh kerana:

- (a) Perkhidmatan asal telah di-hapuskan sama sekali, mitalnya
 - (i) Penolong Pegawai Rendah Passport, Jabatan Imigresen - Jadual Pemindahan bil.149.
 - (ii) Penolong pegawai Urusan China, Pejabat2 Daerah dan Tanah - Jadual Pemindahan bil. 168.
 - (iii) Penyimpan Kira2 - Jadual pemindahan Bil. 135, 295 dll.

- (b) Tingkatan2 naik pangkat dalam perkhidmatan2 asal telah dihapuskan, mital-nya
 - (i) Perkhidmatan Kerani Tingkatan2 Tertinggi 'C', 'B' dan 'A';

2. Ada-lah di-tegaskan bahawa perbekalan2 dalam Surat Pekeliling ini **tidak meliputi** kedudukan jawatan2 yang di-kehendaki di-gredkan semula akibat daripada perubahan kepada susunan tingkatan2 jawatan2 tersebut. Suatu Surat Pekeliling yang berasingan akan di-keluarkan mengenai perkara ini. Sehingga tingkatan jawatan2 yang terlibat itu di-tentukan, maka tingkatan penyandang2-nya ada-lah juga merupakan tingkatan2 bagi jawatan itu khas untuk penyandang.

3. Dalam kedua2 keadaan yang tersebut dalam perenggan 1 di-atas **pegawai2 yang sedang berkhidmat yang memilih berpindah kepada tangga gaji berseh akan mengalami pertukaran perkhidmatan**, yang akan melibatkan beberapa implikasi perkhidmatan dan perjawatan. Mital-nya,

- (a) Jawatan2 baharu hendak-lah di-adakan bagi menggantikan jawatan2 yang telah di-hapuskan Bagi jawatan2 Negeri, ini juga berma'ana mendapat kelulusan di-bawah Fasal 112 Perlembagaan Malaysia;

- (b) Ketua Jabatan yang menjadi Ketua Perkhidmatan bagi satu2 perkhidmatan itu perlu mengetahui berapa banyak-kah bilangan jawatan baharu bagi menggantikan jawatan2 dalam perkhidmatan asal yang di-hapuskan itu. Ketua Jabatan tersebut perlu juga mengetahui berapa ramai di-antara pegawai-nya yang tidak menerima berpindah ka-tangga gaji berseh;
- (c) Pegawai2 yang memilih berpindah ka-tangga gaji berseh dan dengan sendiri-nya bertukar perkhidmatan melalui pemindahan gaji sahaja hendak-lah di-lantek sechara resmi oleh pihak2 Yang Berkuasa melantek yang berkenaan.

4. Ketua-ketua Jabatan Persekutuan dan Jabatan Negeri ada-lah di-kehendaki memenohi borang di-[lampiran 'A'](#) dan mengedarkan-nya **pada atau sa-belum 15hb. Mach, 1971 kepada:-**

- (a) Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (2 salinan). Bagi jawatan Negeri salinan2 hendak-lah juga di-edarkan kepada Setia Usaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri.
- (b) Ketua Setia Usaha Perbendaharaan.
- (c) Ketua Pekhormatan bagi:
 - (i) Perkhidmatan asal (satu salinan) dan
 - (ii) Perkhidmatan baharu (satu salinan).

Mithal-nya bagi perkhidmatan Penyimpan Kira2 satu salinan hendak-lah juga di-edarkan kepada Akauntan Negara/Bendahari Negeri.

(Perhatian: 1. Jika Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam ada-lah menjadi Ketua Perkhidmatan bagi satu2 perkhidmatan itu, 2 salinan seperti dalam (a) itu ada-lah memadai;

2. Perkhidmatan2 yang di-gredkan semula kepada perkhidmatan2 kerani ada-lah menjadi perkhidmatan kerani gunasama di bawah kawalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam bagi jawatan Persekutuan dan Setia Usaha Kerajaan bagi jawatan2 Negeri, kechuali perkhidmatan2 berikut :-

- (i) perkhidmatan2 dalam Jabatan2 yang mempunyai perkhidmatan kerani-nya sendiri, ada-lah menjadi perkhidmatan kerani Jabatan itu; dan
- (ii) perkhidmatan2 yang mensharatkan pegawai2-nya berpakaian seragam ada-lah menjadi perkhidmatan kerani Jabatan yang berkenaan sehingga ketentuan sebaliknya di-buat. Mithal-nya, Pegawai Imigeresen, Jadual Pemindahan bil. 67.)

mukasurat 2

- (d) Pihak2 Yang Berkuasa Melantek yang berkenaan. (satu salinan) (ia-itu Surohanjaya Perkhidmatan Awam bagi jawatan2 Persekutuan dan juga jawatan2 negeri di-mana Surohanjaya itu telah di-beri kuasa bagi melantek pegawai2 Negeri itu, atau Surohanjaya Perkhidmatan Awam Negeri bagi jawatan2 Negeri);

5. Tindakan2 yang berikut akan di-jalankan sebaik2 sahaja di-terima borang2 di [Lampiran "A"](#) itu:-

- (a) Pegawai2 yang memilih berpindah ka-perkhidmatan2 baharu itu akan di-lantek sechara resmi-nya oleh Pihak Yang Berkuasa Melantek yang berkenaan,

(b) **Perbendaharaan Malaysia** akan

- (i) mengeluarkan Waran Perjawatan bagi mengujudkan jawatan2 Persekutuan bagi menggantikan jawatan2 yang di-hapuskan itu; dan
- (ii) memberi persetujuan kepada Kerajaan Negeri bagi mengujudkan jawatan2 baru untuk menggantikan jawatan Negeri yang di-hapuskan;

(c) **Ketua2 Perkhidmatan** yang terlibat akan membincangkan dengan pihak2 Yang Berkuasa Melantik berkaitan cara2 menentukan kekananan bagi pegawai2 baru yang berpindah ka perkhidmatan di bawah kawalan-nya itu. Nasehat Jabatan Perkhidmatan Awam hendak-lah di-perolehi dalam hal ini sekira-nya timbul sebarang keraguan.

6. Panduan bagi mengisi borang di-[Lampiran "A"](#) serta contoh barang yang telah dipenohi juga di-sertakan.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL AZIZ BIN MOHAMED)
Bahagian Perjawatan,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua2 Setia Usaha Kementerian.

Ketua2 Jabatan,

Jabatan Persekutuan.

Yang Berhormat,

Setia Usaha2 Kerajaan Negeri.

Panduan bagi mengisi borang di-lampiran 'A'

1. 'Am

- (a) Nama2 pegawai yang di-kehendaki ada-lah terhad kepada penyandang jawatan2 yang telah menjadi jawatan dalam Sekim Perkhidmatan yang lain ber-ikutan dengan pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 7/70](#). Sunggoh pun Pegawai2 Kerani, Tingkatan Tertinggi 'C' , 'B' dan 'A' yang memilih berpindah ka-tangga gaji berseh untok penyandang tidak mengalami perubahan perkhidmatan, nama2 mereka hendaklah di-chatitkan juga.
- (b) Nama2 pegawai hendak-lah di-senaraikan mengikut sekim perkhidmatan baharu mereka, terta'alok kepada susunan seperti berikut:-
 - (i) Pegawai yang memilih berpindah ka-tangga gaji berseh yang di-tawarkan, mengikut susunan tingkatan mereka masing-masing. Mithal-nya, nama pegawai2 yang berpindah ka-jawatan Tingkatan I hendak-lah di-tuliskan dahulu di-ikuti oleh nama pegawai2 yang berpindah ka-Tingkatan II, ka-Tingkatan III dan saterus-nya mengikut jadual pemindahan yang berkenaan.
 - (ii) Pegawai2 yang berpindah ka-tangga gaji berseh untok penyandang.
 - (iii) Pegawai2 yang tidak menerima berpindah ka-tangga gaji berseh.

2. Ruangan (3)

Dalam Buku Anggaran 1970 kadang kala terdapat jawatan2 di-tunjokkan dengan tajok-nya sahaja tanpa di-ikuti oleh Sekim perkhidmatan bagi jawatan2 tersebut. Mithal-nya jawatan Ketua Taligeraf, Jabatan Talikom ada-lah sa-benar-nya merupakan jawatan dalam Tingkatan Tertinggi bagi Perkhidmatan Kerani Jabatan tersebut. Jadi bagi keperluan ruangan (3) itu nemadai-lah ditunjokkan Sekim Perkhidmatan yang berkenaan sahaja ia-itu Pegawai Kerani (Talikom).

3. Ruangan (4)

Tidak mungkin menimbulkan sebarang kesukaran.

4. Ruangan (5)

Ini ada-lah bertalian dengan ruangan (3) dan (4). Tidak semesti-nya semua nama penyandang2 jawatan2 dalam satu2 butiran itu di-tuliskan berturut-turut oleh kerana keperluan perenggan 1(b) di-atas.

5. Ruangan2 (6), (7) dan (8)

Tanda dengan 'X' di-bawah ruangan2 yang berkenaan mengenai pilihan yang di-lakukan oleh sa-saorang pegawai itu.

6. Ruangan (9)

- (a) Bagi pegawai2 Kerani, Tingkatan tertinggi 'C', 'B' dan 'A' yang memilih berpindah ka-tangga gaji khas untok menyandang ruangan (9) tidak-lah perlu di-penohi

- (b) Dalam lain-lain keadaan ruangan ini hendaklah di-penuhi mengikut nama Sekim Perkhidmatann yang terdapat dalam jadual Pemindahan yang berkenaan.

7. Ruangan (10)

- (a) Bagi Pegawai Kerani, Tingkatan tertinggi 'C', 'B' dan 'A' yang berpindah ka-tangga gaji berseh untok menyanddang, ruangan ini tidak perlu di-penuhi
- (b) Tingkatan di-sini ada-lah tingkatan ka-mana sa-sorang pegawai itu berpindah berikutan denan pilihan-nya menerima tangga gaji berseh.

8. Ruangan (11)

Ruangan ini mesti di-penuhi dalam semua keadaan.